

Warta suku tahun yang menghubungkan penulis Bahasa dengan pekerja di pelayanan Kristian di Malaysia

## Terbang Tinggi untuk Pelayanan Bahasa Malaysia

Bayangkan anda seorang Kristian yang berbahasa Malaysia, anda masuk ke kedai buku Kristian dan dengan kecewa anda keluar kerana tidak ada satupun buku dalam BM. Inilah yang dialami oleh umat Kristian berbahasa BM yang membuat Wawasan Penabur terpanggil untuk menjawab panggilan Tuhan.

Untuk tujuan itulah, sejumlah hampir 100 orang Kristian bergabung dalam Pertemuan Rakan Penabur yang pertama pada 30hb Mei 2009. Ada sekitar 100 judul buku yang dikumpul oleh Pusat Sumber kami, dan 70 judul dari Scripture Union telah dipamerkan untuk dilihat oleh para peserta. Kenyataannya adalah, hanya 64 judul yang masih boleh didapati sekarang!

Pertemuan dimulakan dengan ucapan selamat datang oleh pengerusi majlis, Chow Chee Yan, dan satu kata-kata aluan yang memberangsangkan oleh Pastor Phua Seng Tiong, selaku tuan rumah SSMC.

Empat penceramah menyampaikan pandangan mereka dengan satu rasa yang penuh mendesak. Rev. Wong Fong Yang mendesak gereja-gereja untuk memulakan satu tabung nasional untuk projek-projek sumber BM dan menyokong mereka yang terlibat dalam pelayanan itu. Presiden SIB Semenanjung, Pr. Daniel Raut pula meyakinkan kita semua bahawa buku-buku harus dapat dijangkau dengan harga rendah. Edwin Agung berbicara tentang akibat gerakan pengislaman dan Gereja harus bangun. Bob Teoh menayangkan gambar-gambar tentang Sarawak.

Tan Hwee Yong berkongsi perjalanan dan panggilannya dalam pelayanan penulisan ini. Randy Singkee pula berbicara tentang perlunya dikumpulkan semua penulis dan penterjemah Kristian di Malaysia.



Sepatah dua kata...



Saudara yang dikasihi,

Seperti yang anda ketahui, Wawasan Penabur ditubuhkan pada Januari 2009 untuk berkerjasama dengan gereja-gereja BM di Malaysia, dengan tujuan untuk mengembang dan menyebarkan bahan sumber BM kepada para pemimpin, gereja dan individu.

Salah satu objektifnya adalah **menumbuh dan mengakar...** melalui kerjasama dengan para penulis, penterjemah, penerbit, pastor, ahli teologi dan pemimpin yang terlibat dalam pelayanan penguatan gereja BM. Dalam terbitan kali ini, kami melaporkan pertemuan julung kali Rakan Penabur pada 30hb Mei 2009 yang lalu.

Ada 3 buah buku yang diterbitkan dalam 3 bulan yang lalu. Penerbitan Wawasan Penabur – **Obor Remaja** (terjemahan Young Teens Aflame) and **Tetap Teguh** (apologetik) akan terbit sebentar lagi.


Kami perlu dukungan doa kerana tidak mudah menerbitkan buku yang banyak mengandungi perkataan sensitive. Semoga kita sebagai umat Tuhan akan berani bangkit dan tidak cepat diintimasi dan dilumpuhkan oleh ketakutan.

Selamat membaca!

*Berita Rakan Penabur* ialah penerbitan elektronik Wawasan Penabur yang mengandungi berita dan maklumat tentang pelayanan kami serta bahan sumber Kristian dalam BM yang baru.

Untuk maklumat dan maklum-balas, hubungi:  
Wawasan Penabur  
P.O.Box: 8327, Pejabat Pos Kelana Jaya  
46787 Petaling Jaya, SELANGOR  
Email: [wawasan.penabur@gmail.com](mailto:wawasan.penabur@gmail.com)

## Bahan Sumber



**Seruan Hati Kanak-Kanak** mengandungi 140 doa dan cerita yang ditulis oleh kanak-kanak Malaysia. Kanak-kanak juga telah mengilustrasikan buku tersebut. Hubungi Hwee Yong ([hweeyong@yahoo.com](mailto:hweeyong@yahoo.com)) jika anda berminat.

**Mabuk Sebelum Fajar Menyinsing** ialah satu buku klasik tentang kedatangan missionaris Australia di Borneo dan pekerjaan mereka dengan suku-suku di pedalaman Sabah & Sarawak. Buku ini juga mengandungi foto serta lukisan kerja awal mission. Hubungi Hwee Yong ([hweeyong@yahoo.com](mailto:hweeyong@yahoo.com)) jika anda berminat.

**Suara Wanita** mengandungi 6 pelajaran tentang wanita Kristian dan peranan mereka sebagai isteri, ibu, suri rumah dan karier. Hubungi Madelin/Pr. Saraban di 03-22725233 jika anda berminat.

## Tarikh Penting!


### OCTOBER

- ◆ Wawasan Penabur berhasrat mengadakan Fund Raising Dinner. Tarikh dan tempat akan ditentukan. Hubungi kami di [wawasan.penabur@gmail.com](mailto:wawasan.penabur@gmail.com) jika anda ingin membantu.

Para peserta kemudiannya dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan Roshan Thiran memimpin mereka untuk sama-sama berdiskusi bagaimana untuk menabur, menumbuh dan menyebarkan. Ramai yang bersetuju untuk keperluan mengadakan tabung, meneroka pentas IT, dan memaksimumkan bakat serta kekuatan generasi muda. Mereka juga diberi peluang untuk mengundi strategi yang sesuai selepas sesi.

Dua buku tulisan Tan Hwee Yong dilancarkan pada hari itu: Seruan Hati Kanak-Kanak dan Mabuk Sebelum Fajar Menyinsing.

Peserta kemudiannya berinteraksi dan menguatkan hubungan sewaktu makan tengahari. Pertemuan Rakan Penabur telah membuka minda mereka untuk satu kolaborasi dalam pelayanan ini.



## Cabaran Penabur

Gereja di Malaysia belum lagi bangun dalam menyahut seruan pelayanan Bahasa secara serius. Kita harus bangkit untuk merampas semula masa-masa yang telah hilang!

Inisiatif Wawasan Penabur untuk mengenalpasti, berkongsi dan menyebarkan bahan sumber Kristian dalam BM, terutama untuk suku-suku pribumi, layak mendapat sokongan penuh dari kita semua.

Ada saranan yang kuat sekali dalam Pertemuan Rakan Penabur untuk menubuhkan satu Tabung Nasional untuk Kerja2 Penulisan BM. Kita harus menantang, mencabar dan berjaringan dengan bakat-bakat muda-mudi kita untuk pelayanan ini.

Kita juga harus menantang seminari dan ahli teologi untuk membangun satu kurikulum bagi kerja2 penulisan/penterjemahan BM. Komentari dan bahan rujukan juga harus dititikberatkan.

Sudah tiba masanya untuk para ahli teologi, pastor, evangelist, pekerja pelayanan kanak-kanak dan belia, serta penulis untuk berganding tangan dalam mengisi jurang dalam gereja BM. Adakah anda salah seorang yang terpenggil?

## 3 Respon Utama Rakan Penabur

1. Pusat tabung untuk pelayanan dan penerbitan BM. Tujuannya adalah untuk mengembang peranan penulis untuk jangka panjang.
2. Mengenalpasti penulis yang berbakat – bekalkan mereka dengan pendidikan teologi dan dukung mereka untuk menjadi penulis penuh masa.
3. Mengenalpasti pakar komunikasi (media baru, IT dan website) untuk melihat bagaimana buku boleh disebar secara online seperti E-book dsbnya.